



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2015/05/70 (HQ)

PROJEK BAITI JANNATI TNB PERINGKAT NEGERI PERAK

Kehidupan Rosman Ahmad, 50 tahun, kini lebih selesa, setelah **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** membaik pulih kediamannya di Kampung Gapis, Rasau, Slim River menerusi Projek Baiti Jannati, Peringkat negeri Perak 2015.

Rosman seorang pesakit angin ahmar tinggal di sebuah rumah unsang bersama isterinya Maheran Mat Noh, 46 tahun yang kelainan upaya. Mereka mempunyai lima orang anak iaitu dua daripadanya bekerja kampung manakala tiga lagi masih bersekolah.

Melalui Projek Baiti Jannati, rumah tersebut berwajah baru hasil dari kerja-kerja membina tiga (3) bilik tidur, ruang dapur, membina ruang tamu, bilik mandi dan tandas serta lengkap dengan kemudahan elektrik dan air.

Rumah Rosman yang siap dibaiki dirasmikan hari ini oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Integrasi Nasional, merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Behrang, Dato' Rusnah Kassim.

Ketua Jurutera Negeri (Perak) Bahagian Pembahagian TNB, Y.M Raja Abdul Jalil Raja Zaid dalam ucapannya berkata projek adalah susulan daripada saranan kerajaan supaya Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) memainkan peranan dalam membantu kerajaan untuk membaiki kediaman golongan sasaran.

Golongan sasaran ini antaranya calon-calon asnaf terdiri daripada penduduk miskin luar bandar, ibu tunggal dan warga emas. Melalui Projek Baiti Jannati ini, TNB memperuntukkan RM2.05 juta setiap tahun menggunakan **duit Zakat TNB** untuk membina 48 buah rumah penerima yang layak di seluruh Semenanjung.

Bagi peringkat negeri Perak sebanyak 28 buah terlibat sejak tahun 2008. Untuk tahun 2015, sejumlah lapan (8) orang penerima yang layak telah dikenal pasti iaitu dua di Seri Manjung, dua di Gerik, dan masing-masing satu (1) di Tanjung Malim, Kuala Kangsar, Tapah dan Seri Iskandar.

Dikeluarkan di Slim River, Perak pada 25 Mei 2015

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi

Mohd Fahirul Nazeri b. Mat Nawi (019-9500885) atau Puan Rusiyah Buyong (012-5988269)